

Headline **Harga susu tidak naik sehingga Ogos**
Date **20 May 2010**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Bisnes**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **L-54**
Article Size **253 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **2,200**
PRValue **6,599**



Harga susu tidak naik sehingga Ogos

KUALA LUMPUR - Dutch Lady Milk Industries Bhd. (Dutch Lady) tidak akan menaikkan harga produknya sehingga Ogos atau September, demikian jaminan Pengarah Urusannya, Bas van den Berg kepada penggunanya.

"Kami akan berusaha se-daya upaya untuk tidak menaikkan harga, tetapi saya tidak boleh berjanji tidak akan berlaku sebarang kenaikan.

"Itu amat bergantung kepada perkembangan dalam tiga hingga empat bulan akan datang," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu di sini semalam.

Van den Berg menjelaskan, Dutch Lady berupaya mengekalkan harga produknya kerana ia telah memesan ke hadapan bahan-bahan mentah tenusu antara Ogos atau September.

"Kami telah melihat kenaikan ketara harga bahan mentah dalam enam bulan kebelakangan ini dan berdasarkan kepada keadaan semasa, kami menjangkakan kenaikan selanjutnya tahun ini," katanya.

Beliau menerangkan, harga tepung susu tanpa lemak yang merupakan bahan mentah tenusu utama dijangka meningkat kepada lebih AS\$3,000 (RM9,630) setan metrik tahun ini berbanding



SEBAHAGIAN daripada produk keluaran Dutch Lady yang menjadi pilihan rakyat di negara ini.

AS\$2,100 (RM6,741) setan metrik dalam suku keempat tahun lepas.

"Sejajar dengan prospek positif ekonomi Malaysia, kami menjangkakan pertumbuhan besar pasaran tenusu.

"Keyakinan pelabur semakin meningkat dan ini dapat dilihat daripada tindak tanduk pengguna," katanya.

Tambah van den Berg, meskipun tahun ini mencabar bagi syarikat itu, namun ia

menjangka dapat mencapai keputusan yang lebih baik bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

Bagi suku pertama 2010, keuntungan sebelum cukai Dutch Lady bertambah kepada RM28.28 juta daripada RM12.66 juta dalam suku yang sama pada 2009.

Pendapatannya meningkat kepada RM173.11 juta daripada RM168.56 juta sebelumnya.

Dutch Lady, satu jenama terkemuka di Malaysia menikmati hampir 20 peratus penguasaan pasaran dan menguasai 50 peratus agihan pasaran susu suhu ultra tinggi (UHT).

Syarikat itu mengeluarkan dan mengedarkan produk susu dari rumusan bayi, tepung susu untuk tumbesaran, UHT, susu bersteril dan ber-pasteur sehinggalah kepada produk dadih. - Bernama